

05/03/1997

Matesa jamin beri sokongan

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri Croatia, Zlatko Matesa, berkata kerajaannya akan memberi galakan dan sokongan penuh kepada sektor swasta negara ini yang menjalankan projek usaha sama dengan syarikat swasta di Croatia.

Menurutnya, kerajaannya akan menyediakan perkara yang penting termasuk kemudahan asas bagi projek yang dijalankan di negaranya bagi memastikan ia memanfaatkan kedua-dua negara.

Beliau berkata, walaupun hubungan perdagangan dan ekonomi kedua-dua negara sudah wujud sejak beberapa tahun lalu tetapi masih banyak peluang yang boleh diterokai bersama bagi meningkatkan perhubungan perdagangan.

Malah, katanya, dalam perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, mereka setuju untuk meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan kedua-dua negara.

"Kami percaya hubungan ini dapat ditingkatkan lagi melalui pendekatan sofistikated yang dilakukan oleh sektor swasta kedua-dua negara," katanya dalam sidang akhbar mengakhiri lawatan dua harinya ke negara ini di hotel penginapannya, di sini, hari ini.

Matesa berkata, satu daripada projek usahasama yang akan dilakukan antara sektor swasta negara ini dengan negaranya ialah di segi perbankan.

Perjanjian usaha sama kedua-dua institusi kewangan itu akan ditandatangani bulan depan. Bagaimanapun, beliau enggan mengumumkan nama institusi kewangan terbabit.

"Bank Pusat Croatia akan memberi lesen kepada institusi kewangan di Croatia untuk mengadakan kerjasama itu," katanya.

Menurutnya, usahasama juga boleh diadakan dalam industri tenaga sama ada melalui Tenaga Nasional Berhad atau syarikat Pengeluar Tenaga Bebas yang lain.

Beliau juga berkata, import kereta nasional negara ini, Proton juga wajar ditingkatkan berikutan sambutan menggalakkan di negaranya.

Matesa juga berkata syarikat Malaysia juga menunjukkan minat untuk menyertai sektor perkapalan di negara itu.

"Kerajaan kami mengamalkan dasar ekonomi dan pelaburan yang liberal bagi menggalakkan pelaburan asing di negara kami," katanya.

Beliau menyifatkan lawatannya ke negara ini sebagai berjaya selepas mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, sekali gus diharap dapat meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan politik kedua-dua negara.

Mengenai bidang politik, beliau berkata, kerajaannya dan Malaysia tidak mempunyai sebarang masalah.

Malah, beliau menghargai Malaysia kerana memainkan peranan penting dalam mewujudkan keamanan di dunia, khususnya di rantau Balkan.

"Walaupun Malaysia jauh di segi geografi, tetapi menghantar tentera pengaman ke Bosnia Herzegovina dan memainkan peranan yang penting. Kami hargai peranan Malaysia membentuk keamanan," katanya.

(END)